

10 MAY 2003

S'pura-FTA

GOH NAFI FTA GANJARAN KERANA SOKONG PENCEROHOHAN IRAQ

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 10 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menafikan spekulasi media bahawa perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang dimeterai bersama Amerika Syarikat adalah ganjaran bagi sokongan yang dihulurkan oleh republik itu untuk pencerobohan Iraq.

Amerika tidak memberikan FTA sebagai ganjaran kepada Singapura, Goh dipetik berkata demikian di Washington oleh akhbar Straits Times pada Jumaat.

Pada Selasa, Singapura dan Amerika Syarikat menandatangani perjanjian bersejarah yang akan menamatkan tarif terhadap perdagangan dua hala bernilai US\$33 bilion.

Beliau berkata penghargaan yang ditunjukkan oleh Washington semasa lawatan beliau ke ibu negara Amerika itu minggu ini adalah sebagai respon kepada sokongan republik itu dalam memerangi keganasan dan perang di Iraq, kata akhbar itu.

Rundingan bagi perjanjian itu berakhir pada Januari dan keputusan untuk menandatangani pada Selasa lepas di White House telahpun ditetapkan sebelum perang bermula, kata beliau.

Menurut akhbar itu, di sepanjang lawatan Goh, para pemimpin Amerika memuji Singapura dan Perdana Menteri Singapura dan beberapa pemerhati berpendapat FTA adalah sebahagian daripada ganjaran.

"Mengenai sokongan kami bagi inisiatif Amerika di Iraq, kami menyokong Amerika kerana kami menentang penganas dan senjata kemusnahan secepat daripada jatuh ke tangan yang salah," kata Goh di akhir lawatan empat hari beliau ke Washington.

"Kepentingan kami adalah sama. Jadi, kami menghulurkan sokongan bagi Amerika. Pada waktu itu mereka mendapati sokongan itu sangat berguna, jadi mereka menunjukkan penghargaan mereka bagi Singapura."

Mengenai spekulasi Singapura menerima FTA lebih awal daripada Chile, Goh berkata ia hanya kebetulan.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata perjanjian perdagangan bebas antara Singapura dan Amerika tidak boleh memengaruhi perdagangan dalam Asean.

"Bagi kita, kita ini anggota Asean dan tidak akan benarkan apa-apa pengaruh dari luar masuk campur dalam perkumpulan Asean," kata Dr Mahathir.

Semalam, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz berkata tindakan Washington mempercepatkan urusan perdagangan dua hala bagi mereka yang menyokong pencerobohan di Iraq dan menghukum mereka yang menentang boleh menjejaskan usaha mencapai perdagangan global yang bebas.

"Saya tidak berpendapat dunia bersetuju sikap Amerika untuk menghukum dan memberikan ganjaran," kata beliau kepada pemberita.

-- BERNAMA

SS HS PR